UNDANG-UNDANG KECIL (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) (MAJLIS PERBANDARAN KLANG) JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 2005

KESALAHAN DENGAN HAD JUMLAH BAYARAN KOMPAUN TIDAK MELEBIHI **RM500.00**

Seksyen 43

Tempat berbahaya hendaklah dibaiki atau dikepung



- Tangki, telaga, lubang atau mana-mana tempat yang boleh membahayakan orang awam hendaklah dibaiki, dilindungi atau dipagar dengan sempurna.
- PBT boleh mengeluarkan notis bertulis kepada pemilik untuk mengambil tindakan segera bagi mengelakkan bahaya.

Seksyen 47 (2)

Meletakkan debu atas jalan, dsb.



- Dilarang meletakkan, meninggalkan atau menyebabkan bahan binaan seperti batu, simen, tanah, pasir, kayu atau bahan lain di tempat awam tanpa kawalan yang sewajarnya.
- Langkah keselamatan hendaklah diambil bagi mencegah- debu berterbangan, serpihan jatuh atau bahaya kepada pengguna jalan dan orang awam.

Seksyen 55

Penalti kerana menjadikan parit sebagai alur atau anak sungai tanpa kebenaran



Dilarang tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT):-

- Menjadikan parit sebagai suatu parit atau alur atau anak sungai; atau
- Menutup, menahan atau melencongkan mana-mana parit

Seksyen 58

Kemudahan Tandas, Bilik Mandi, Sink & Bekalan Air



- PBT boleh mengarahkan pemunya menyediakan tandas, sink, bilik mandi dan kemudahan sanitasi yang mencukupi.
- Pemunya bertanggungjawab menyelenggara kemudahan tersebut dan mematuhi notis PBT, jika gagal PBT boleh melaksanakan kerja serta menuntut kos.

Seksyen 59

Pihak berkuasa tempatan boleh menghendaki tempat buang air kecil dipindahkan atau diubah



- Kemudahan kebersihan yang menghadap jalan tidak boleh menimbulkan kacau ganggu atau menjejaskan kesopanan awam.
- PBT boleh mengarahkan pemunya memindah atau mengubah kemudahan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.

Seksyen 70 (11)

Notis mengenai bangunan baharu



- Sebarang perubahan bangunan memerlukan kebenaran bertulis PBT terlebih dahulu.
- Pelanggaran boleh dikenakan denda sehingga RM25,000 serta perintah mahkamah untuk mengubah atau merobohkan bangunan.

Seksyen 70 (12)

Notis mengenai bangunan baharu



- Bangunan tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada tujuan asal tanpa kebenaran bertulis PBT.
- Pelanggaran boleh dikenakan denda sehingga RM25,000 + RM500 sehari selepas notis pemberhentian penggunaan disampaikan.

Seksyen 72 (3)

Meruntuh atau memindahkan bangunan yang tidak dibenarkan



- Pemunya yang memohon untuk meruntuhkan bangunan perlu mendepositkan kos perobohan, pemindahan & penyimpanan harta kepada PBT.
- Pemunya juga perlu menanggung rugi PBT dan membayar kos tambahan yang ditetapkan bagi tujuan penempatan semula.

Seksyen 80

Bangsal alih tidak boleh didirikan tanpa kebenaran



- Bangsal atau binaan alih tidak boleh didirikan atau disimpan tanpa kebenaran bertulis PBT.
- Pelanggaran boleh dikenakan denda RM1,000 dan perintah mahkamah untuk memindahkan binaan tersebut.

Seksyen 100

Penalti kerana menghalang sesuatu pihak berkuasa dalam kewajipannya



- Dilarang merintangi, menghalang atau mengganggu PBT/pegawai dalam menjalankan tugas di bawah Akta 133.
- Boleh dikenakan denda sehingga RM1,000 atau penjara sehingga 6 bulan.

TERBITAN JABATAN UNDANG-UNDANG, MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG